


# Konsert Gelora SENI UMS esok....



NST 02.10.2012 12

OLEH ERSIE CHELL ANJUMAN,  
erjchell@yahoo.com

KONSERT Gelora Seni anjuran Sekolah Pengajian Seni, UMS akan diadakan di Dewan Resital, Universiti Malaysia Sabah (UMS) pada hari esok bermula jam 2.30 petang.

Orang ramai dijemput menghadiri konsert tanpa sebarang bayaran masuk yang dijangka meriah dengan pelbagai persembahan menarik yang menggabungkan persembahan daripada para pelajar dan pensyarah UMS yang yang diantaranya telahpun mendapat pengiktirafan di peringkat kebangsaan mahupun peringkat dunia.

Antaranya ialah, persembahan tarian kontemporari oleh seorang pensyarah seni tari, Tang Sook Kuan Abdullah.

Tang telah berjaya merangkul pingat emas kejuaraan di World Championship of Performing Arts (WCOPA) di California, USA pada Julai lepas sekaligus mengharumkan nama UMS dan mengiktirafkan seni persembahan Sabah di mata dunia.

Manakala kumpulan ARTUMS yang diketuai oleh seorang lagi pensyarah iaitu Sharip Zainal Sagif juga bakal menonjolkan kehebatan mereka.

Kumpulan ARTUMS merupakan Johan dalam pertandingan Idola P.Ramlee dan Saloma peringkat kebangsaan 2010 (RTM dan JKKN) selain menjadi wakil Malaysia tunggal Malaysia ke Yeosu, Korea pada bulan Ogos untuk membuat persembahan sempena 12th International Youth Festival.

Selain itu, Sekolah Pengajian Seni UMS juga mempunyai Kelab Seni Gamelan yang juga tidak kurang hebatnya di dalam dunia seni persembahan yang bergelar 'AgungBeat'.

AgungBeat, di bawah pimpinan dan pengarah muzik oleh pensyarah muzik Roslee Haji Wahid baru sahaja pulang dari Johor pada awal bulan lepas setelah mengadakan persembahan Konsert selama dua hari di sana sempena Arts Festival.

AgungBeat juga sering mengadakan




AGUNG Beat bersama Dayang Noraini.



ARTUMS UMS



TANG SOOK KUAN ABDULLAH.



DAYANG NORAINI

persembahan bersama bekas juara Sinaran Pasport kegemilangan TV3 1999, Dayang Noraini seperti Konsert Gambus plus, World Mountain Music Festival dan KK International Jazz Festival.

Dalam pada itu, konsert Gelora SENI ini juga bakal menampilkan persembahan hebat daripada pensyarah serba-boleh yang juga merupakan artis tempatan Sabah, Andrew Poniting atau Apai dengan irungan rakan-rakan pensyarah muzik yang lain.

Pelbagai lagi persembahan menarik dan menghiburkan akan diadakan, justeru para peminat seni muzik, tari dan teater amat dialu-alukan untuk menonton Konsert Gelora SENI ini beramai-ramai.

Sebagai makluman, konsert ini dinasungi oleh Dekan Sekolah Pengajian Seni, Prof Madya Dr Ismail Hj Ibrahim dan diselaraskan oleh Timbalan Dekan Hal ehwal pelajar & akademik, Dr. Zairul Anwar Md Dawam dengan sokongan para pensyarah dan pelajar SENI.